From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 30 June, 2022 3:41:58 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: MANFAATKAN PRASARANA SUKAN JUTAAN RINGGIT

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2022 / 30 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MANFAATKAN PRASARANA SUKAN JUTAAN RINGGIT



UUM ONLINE: Warga kampus diseru untuk memanfaatkan prasarana sukan yang bernilai jutaan ringgit demi melahirkan generasi yang sihat, cergas dan aktif dalam kehidupan.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah mengajak mahasiswa aktif bersukan terutamanya pada hujung minggu bagi berusaha mendapatkan kesihatan, stamina, dan ketajaman fikiran.

“Warga kampus perlu menjalankan aktiviti yang sihat lagi bermanfaat kerana UUM memiliki prasarana berjumlah jutaan ringgit yang tidak boleh dibiarkan lesu dan kaku.

“Pusat Sukan yang telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan disediakan untuk kegunaan warga kampus bagi mempromosikan gaya hidup sihat sekali gus menjadi anak muda yang sihat dan mampu bersaing bersama menjulang nama UUM.

“Dalam usaha meningkatkan kesihatan, dua kali dalam sebulan pada Selasa diangkat sebagai Hari Sukan dan Riadah di peringkat universiti,” ucapnya pada Majlis Perasmian Penutup Karnival Sukan Mahasiswa (KASUMA) Universiti Utara Malaysia 2022 yang berlangsung meriah di Stadium UUM, Pusat Sukan, UUM, semalam.

Haim Hilman berkata, acara ini dapat membentuk mahasiswa yang sihat, cerdas dan produktif di dalam pembangunan universiti.

“Kita akan terus menghidupkan universiti agar mereka menjadi barisan anak muda yang cergas dan aktif malah kita akan turut serta dalam kejohanan dengan membina pasukan universiti untuk membuktikan pasukan universiti adalah pasukan terbaik.

“Jangan pernah rasa goyah dan gentar untuk mendepani universiti lain kita mampu bersaing dengan hebat jadi teruskan usaha membina pasukan kita yang menjadi kebanggaan UUM suatu hari nanti.

“Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada Pusat Sukan UUM serta pelajar yang terlibat bagi menjayakan kejohanan ini,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed berkata, kejohanan KASUMA ini merupakan platform untuk memupuk budaya bersukan dalam kalangan pelajar dan berperanan mencungkil bakat baharu yang berpotensi sebagai pelapis kepada pasukan UUM.

KASUMA ialah penjenamaan semula bagi Kejohanan Sukan UUM atau SUKUUM yang dianjurkan kali terakhir pada edisi 2019.

“Dengan semangat kesukanan yang ditunjukkan, kalah dan menang menjadi perkara kedua. Yang penting penglibatan mahasiswa dapat memberikan persaingan sihat di samping merapatkan jalinan ukhuwah antara pelajar dan pihak Universiti,” ucapnya.

Tambahnya, semangat berdaya saing dan bersungguh-sungguh ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian supaya setiap yang diusahakan membuahkan hasil kejayaan yang membanggakan.

Sebanyak 10 acara dipertandingkan dalam KASUMA 2022 yang bermula pada 7 Jun lalu iaitu bola tampar, bola keranjang, bola baling, sepak takraw, petanque, ping pong, e-sport (FIFA), trail run, badminton dan perbarisan dengan penyertaan daripada 952 pelajar lelaki dan 696 pelajar wanita

Bersempena dengan kejohanan ini juga, Karnival Sukan Siswi UUM 2022 turut diadakan yang melibatkan empat acara iaitu bola jaring, bola tampar, futsal dan aerodance.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.